



Pengarah Pusat Kelestarian Libatsama Masyarakat UMS, Dr Jakaria Dasan.



Ketua Jabatan Program Pendidikan Perubatan, Fakulti Perubatan dan Salns Kesihatan UMS, Dr Fatimah Ahmedy.



Pengarah Akademi Keptimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Prof. Dr. Nordin Yahaya.



Naib Canselor UMS, Prof. Datuk ChM. Dr. Taufiq Yun Hin.

Terap elemen kepemimpinan dalam menyokong pelaksanaan SDG

"ARUS globalisasi yang disulami dengan perkembangan teknologi menuntut kepemimpinan universiti yang dinamik dalam meletakkan dirinya sebagai institusi penting dan berpengaruh dalam melaksana obligasi sosial membangun masyarakat.

"Dalam hal ini, universiti perlu mewujudkan kalendar ahli akademik yang bertindak sebagai pemacu yang kreatif dan bukan hanya sebagai pengikut dan penyokong. kata Pengarah Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Prof. Dr. Nordin Yahaya ketika merasmikan Program AKEPT-UMS SDG Leadership Program: University for Society baru ini.

Menurut beliau, hakikatnya, pemimpin dengan kompetensi yang sesuai dengan tuntutan semasa sentiasa dicari-cari.

Katanya, nilai yang relevan juga adalah perlu bagi memastikan ahli akademik faham akan tanggungjawab mereka mendatangi masyarakat sebagai agen perubahan masyarakat yang diperlukan oleh pelbagai pemegang taruh termasuklah masyarakat itu sendiri.

Kompetensi yang dibina dan nilai yang dipupuk ini mampu memacu kecemerlangan universiti secara keseluruhannya.

Inilah antara misi (AKEPT) yang bertang-

gungjawab dalam pembangunan kompetensi dan nilai ahli-ahli akademik khususnya di universiti awam.

Untuk menjayakan misi yang digariskan, pelbagai program dengan modul baharu diperkenalkan oleh AKEPT secara kolaborasi dengan pembina-pembina modul di universiti awam.

AKEPT-UMSSDGLeadership Program: University for Society" adalah salah satu daripada pendekatan tersebut yang dilaksanakan secara bersama di antara AKEPT dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Model program yang diberi nama 'SHARE Model for Leaders' dihasilkan oleh dua orang pensyarah dari UMS iaitu Dr Fatimah Ahmedy yang juga merupakan Ketua Program, dan Dr Jakaria Dasan, selaku Timbalan Ketua Program. Model ini mengetengahkan pendekatan libatsama masyarakat yang berpandukan kebersamaan kepimpinan, tindakan berfokus, dan pembinaan hubungan.

Program ini adalah salah satu program peningkatan kepimpinan yang mendedahkan para peserta dengan nilai-nilai dan kecekapan yang boleh memandu mereka kepada pelaksanaan khidmat masyarakat dan pemindahan ilmu yang efektif dan berkesan.

Seramai 42 orang ahli akademik dari seluruh 20 buah universiti awam telah

dipilih oleh AKEPT sebagai peserta kumpulan pertama program ini.

Antara keunikan lain program ini adalah pengisian aktiviti turun padang ke masyarakat terpilih di mana interaksi secara langsung dengan komuniti terlibat dilakukan bagi mendapatkan isu dan permasalahan yang dihadapi untuk para peserta program memberikan input yakni solusi yang diperlukan.

Program yang diperkenalkan ini adalah berkaitan dengan penekanan terhadap kepemimpinan yang menitikberatkan aspirasi Sustainable Development Goals (SDG) dalam tindakan membangun sosioekonomi masyarakat.

Kepimpinan dan SDG sebenarnya mempunyai hubungan yang signifikan dalam memperkukuhkan nilai dan ekosistem manamana universiti di dunia.

Ini adalah selari dengan apa yang dimaksudkan oleh Prof. Nordin bahawa keunggulan sebuah universiti hanya dapat diperakui jika sebuah universiti itu meletakkan SDG dalam peta strateginya.

Tanpa menitikberatkan elemen SDG, sebuah universiti akan kelak tertinggal dalam arus perdana zaman ini dan masa depan di mana SDG telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai elemen terpenting dalam memastikan impak pembangunan

positif yang lestari yang menitikberatkan kemakmuran kepada masyarakat dan bumi.

Fokus program kepada U4S pula adalah bersesuaian dengan misi ketiga pengajian tinggi di mana universiti juga bertindak sebagai tempat untuk mencari dan menajana pengetahuan di luar persekitaran akademik untuk kepentingan pembangunan sosial budaya dan ekonomi masyarakat.

Justeru, adalah penting untuk ahli akademik khususnya para pemimpin universiti menerapkan nilai-nilai SDG dalam perancangan strategik mereka mengambilkira bahawa kesejahteraan masyarakat boleh ditingkatkan menerusi rekabentuk kurikulum yang terkini, penjenanan ilmu baharu, penyelidikan yang menyelesaikan isu masyarakat, dan pelaksanaan pendidikan yang kontemporari kepada para pelajar keseluruhannya.

Sebelum itu di majlis yang sama Naib Canselor UMS, Prof. Datuk ChM. Dr. Taufiq Yun Hin menegaskan dalam ucapan aluannya bahawa universiti memerlukan barisan peneraju yang mampu memacu universiti dalam menetapkan hala tuju dan sistem pengurusan universiti yang lebih bersifat antarabangsa dan tidak jumud serta berasaskan kepada kolaborasi dan komplementari serta

sentiasa mudah turun padang berkongsi ilmu untuk menyelesaikan isu masyarakat.

Menurut Taufiq, program yang dilaksanakan dalam dua fasa yakni secara atas talian dan fizikal, turut memberikan para peserta pengalaman pembelajaran yang bersifat praktikal menerusi aktiviti turun padang ke dua buah komuniti terpilih iaitu kampung Kilimu dan kampung Marakau di Ranau, Sabah.

Sebelum itu, para peserta akan mengikuti sesi perkongsian ilmu oleh penceramah-penceramah pelopor program Kementerian Pengajian Tinggi berkaitan pemindahan ilmu dan libatsama masyarakat.

Para penceramah terdiri daripada Prof Dr Mansor Abu Talib, Prof Dr Haslan Abu Hassan, Prof Dr Zakaria Abas, Prof Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman, dan Prof Madya Ts. Dr Ramzah Dambul mengaitkan pengalaman mereka dengan berapa teras SDG yang relevan.

Rangkaian quadruple-helix atau jalinan baik bersama agensi kerajaan dan industri turut diperkatakan menerusi penglibatan mereka dalam program ini.

Pengurus Kumpulan Pengurusan Kawasan Konservasi Yayasan Sabah, Dr. Waidi Sinun, Pengurus Besar Lembaga Pelancongan Sabah, Noredah Othman

mewakili agensi kerajaan, manakala Timbalan Presiden Malaysia Entrepreneurs Development Association, Dato George Lim Su Chong mewakili industri.

Turut sama berkongsi pengalaman mereka dalam mendekati masyarakat ialah Dr Hajah Azuraida Shahadan dari DrAzu Training Academy & Consultancy.

Program ini menjangkakan bahawa menerusi perkongsian dan perbincangan yang diadakan akan akhirnya mampu mencekutkan proses berfikir yang menajana kepada tindakan strategik di universiti para peserta masing-masing.

Sesungguhnya, kepemimpinan ahli akademik di universiti sudah mula ditagih merentas jangkauan sebagai pembicara atau pengkarya kepada kearifan sesuatu bidang semata. Proses pemindahan ilmu menerusi inovasi produk dan perkhidmatan dari keserjanaan ahli akademik amat didambakan oleh masyarakat.

Inilah yang akan dilaksanakan oleh akademia menerusi pelaksanaan program Universiti untuk Masyarakat atau ringkasnya, U4S.

Sedar atau pun tidak, Universiti menerusi ahli-ahli akademiknya sentiasa dinanti-nantikan untuk turun ke lapangan mentransformasi sosio-ekonomi masyarakat yang masih

sendat dengan ramuan kejayaan yang lestari.

Dalam ucapannya juga, Professor Dr Nordin Yahaya, menyebut bahawa "pembangunan kepemimpinan perlu dilakukan berasaskan fungsi di mana tumpuan diberikan kepada sesuatu peranan khusus. Universiti mempunyai banyak peranan dan amat memerlukan sumber manusia yang mempunyai kepimpinan relevan.

Oleh itu, program peningkatan kepimpinan dalam kalangan mereka yang terpilih dalam program ini menasaskan kepada pendalaman dan pemahaman para peserta dengan nilai-nilai dan kecekapan yang mampu memupuk mereka menjadi cemerlang dan berjaya.

Sehubungan itu, kolaborasi antara AKEPT dan UMS ini dilihat mampu menghasilkan kumpulan penggerak di universiti-universiti awam yang mampu memenuhi matlamat Global oleh SDG yang bertujuan untuk mengakhiri kemiskinan, melindungi bumi dan memastikan semua individu menikmati kemakmuran menjelang tahun 2030.

Seiring dengan itu, ahli akademik perlu memahami dan menguasai elemen kompetensi dan nilai yang menyokong SDG. - Artikel sumbangan Dr Jakaria Dasan dan Dr Fatimah Ahmedy, UM.